



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT)  
PEMASANGAN DANDANG STIM (ONE-OFF)**

**2026**

Tarikh kemaskini: 16 April 2026

## KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN .....	3
2.0 PUNCA KUASA.....	3
3.0 TAFSIRAN .....	4
4.0 SKOP .....	4
5.0 SYARAT PERMOHONAN .....	5
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN .....	5
6.1 Kategori Permohonan .....	5
6.2 Butiran Permohonan .....	6
7.0 DOKUMEN .....	11
7.1 Dokumen Permohonan .....	11
8.0 PEMAKLUMAN .....	16
9.0 FI .....	17
10.0 PIAGAM PELANGGAN .....	17

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Panduan permohonan ini disediakan oleh Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri untuk rujukan kepada pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pemasangan Dandang Stim (One-Off) melalui sistem mySKUD. Sistem tersebut boleh dicapai melalui sistem *Single Sign On (SSO)* di MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my/>).
- 1.2. Panduan permohonan ini telah dikemaskini mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (LYMPK 2024).
- 1.3. Permohonan ini hanya boleh dimohon oleh pemohon dalam kategori berikut:
  1. Pengilang asalan (import)
  2. Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang, Pembaikan dan Pengubahan Dandang Stim
- 1.4. Pemohon daripada Orang Kompeten (Syarikat) perlulah dilantik secara rasmi oleh pemunya loji, merupakan pemohon yang sama bagi verifikasi reka bentuk loji yang hendak dipasang dan status pendaftarannya sebagai Orang Kompeten (Syarikat) masih belum tamat tempoh.

## 2.0 PUNCA KUASA

- 2.1. Seksyen 31B AKKP 1994 telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dinyatakan dalam Akta dan LYMPK 2024 kecuali telah berdaftar sebagai Orang Kompeten (Syarikat) sepertimana ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- 2.2. Peraturan 4(1)(g), LYMPK 2024 telah menyatakan bahawa jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu merupakan dandang stim atau jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh,

memastikan bahawa dandang stim atau jentera mengangkat itu dipasang oleh orang kompeten atau pengilang asalan.

### 3.0 TAFSIRAN

- 3.1. Pengilang asalan ertinya pengilang asal mana-mana dandang stim yang diimport.
- 3.2. Orang Kompeten ertinya orang kompeten yang berdaftar di bawah Seksyen 31c AKKP 1994.
- 3.3. Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang, Pembaikan dan Pengubahan Dandang Stim ertinya Orang Kompeten (dalam bentuk Syarikat) yang menjalankan aktiviti seperti dinyatakan di dalam Perkara 2.1.
- 3.4. Dandang stim ertinya mana-mana bejana tertutup bagi apa-apa maksud yang stim dihasilkan di bawah tekanan yang lebih besar daripada tekanan atmosfera dan termasuklah mana-mana penjimat haba yang digunakan untuk memanaskan air yang disalurkan kepada bejana dan mana-mana pemanas lampau yang digunakan untuk memanaskan stim dan apa-apa paip dan apa-apa paip dan pemasangan yang disambungkan kepada bejana tertutup itu.
- 3.5. Standard yang diiktiraf ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, LYMPK 2024.

### 4.0 SKOP

Skop panduan permohonan adalah berdasarkan Jadual di bawah:

SKOP PENDAFTARAN	
KOD	SKOP
SBE01	Pemasang Dandang Stim (One-Off)

**Jadual 1**

## 5.0 SYARAT PERMOHONAN

5.1. Bagi pengilang asalan, pemohon perlu mengemukakan sijil perakuan sebagai pengilang (loji yang ingin dipasang) yang dikeluarkan oleh negara pengilang.

5.2. Bagi Orang Kompeten (Syarikat), pemohon perlu mempunyai tempat kerja utama seperti berikut:

- i. Telah mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja, PEMTK dengan JKPP Negeri melalui sistem MyKKP.
- ii. Lengkap dengan jentera dan peralatan kawalan kualiti bagi kerja pemasangan loji seperti yang dipohon.
- iii. Tidak berkongsi dengan mana-mana Syarikat atau Orang Kompeten (Syarikat) lain dalam skop pendaftaran yang sama.

5.3. Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal yang bertanggungjawab pada setiap bahagian di syarikat utama. Empat (4) bahagian wajib tersebut adalah seperti berikut:

- i. Bahagian Projek Kejuruteraan
- ii. Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)
- iii. Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
- iv. Kakitangan Pengimpal Tetap

*Nota: Setiap kakitangan teknikal tidak boleh memegang jawatan lain.*

## 6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

### 6.1 Kategori Permohonan

PILIHAN	NOTA PENERANGAN
<b>Pendaftaran</b>	Permohonan pendaftaran merujuk kepada pemohon yang baru untuk didaftarkan sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang Dandang Stim (One-Off).

	Mohon rujuk panduan ini bagi menyemak dan memilih skop pendaftaran yang berkemampuan untuk dinilai dan didaftarkan oleh Jabatan sebagai Orang Kompeten (Syarikat).
--	--

**Jadual 2**

## **6.2 Butiran Permohonan**

### **Bahagian A: Maklumat Ibu Pejabat**

Pemohon hendaklah memastikan maklumat tempat kerja utama yang dimasukkan telah mempunyai nombor PEMTK dengan JKPP Negeri melalui sistem MyKPP.

*Nota: Maklumat kakitangan yang dihubungi seperti nama, alamat email dan nombor telefon bimbit hendaklah merujuk kepada kakitangan syarikat yang bertanggungjawab dalam menghantar permohonan syarikat.*

### **Bahagian B: Maklumat Pemasangan**

Pemohon hendaklah memasukkan maklumat berkaitan projek bagi pemasangan loji termasuk nama projek, alamat pemasangan, tempoh projek dan maklumat bagi pengurus yang menguruskannya.

### **Bahagian C: Maklumat Kakitangan Teknikal**

Setiap kakitangan teknikal bahagian masing-masing hendaklah memenuhi semua syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

<b>KRITERIA KELAYAKAN KAKITANGAN TEKNIKAL</b>	
<b>Bahagian Projek Kejuruteraan</b>	
a)	Warganegara Malaysia (bagi Orang Kompeten (Syarikat));

	<p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Bukan Warganegara Malaysia (bagi pengilang asalan) dan hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia bagi tujuan kerja pemasangan loji tersebut.</p>
b)	<p>Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan KKP, kod dan standard reka bentuk loji berkaitan seperti ASME, AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop loji dipohon untuk dipasang.</p>
c)	<p>Kelayakan akademik dan pengalaman:</p> <p>Memiliki <b>Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf<sup>1</sup></b> dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan loji berkaitan;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Memiliki diploma dalam bidang <b>Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf<sup>1</sup></b> dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan loji berkaitan;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Memiliki Sijil Kemahiran Malaysia tahap 3 (SKM 3) dalam bidang kejuruteraan/ setarafnya dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pemasangan,</p>

	<p>penyenggaraan, penelitian dan pembukaan loji berkaitan;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Memiliki sijil kelayakan akademik kejuruteraan (Ijazah Sarjana Muda atau Diploma) daripada pusat pengajian tinggi, surat pengesahan kakitangan daripada pengilang asalan dan pengalaman bagi projek pemasangan loji sekurang-kurangnya 2 tahun (bagi pengilang asalan).</p>
d)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kod rekabentuk loji berkaitan seperti ASME, AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon.
<b>Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)</b>	
a)	<p>Warganegara Malaysia (bagi Orang Kompeten (Syarikat);</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Bukan Warganegara Malaysia (bagi pengilang asalan) dan hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia bagi tujuan kerja pemasangan loji tersebut.</p>
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan spesifikasi loji yang hendak dipasang yang dinyatakan dalam perundangan KKP dan kod rekabentuk.
c)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kawalan kualiti bagi pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan loji yang hendak dipasang seperti CSWIP dan NDT.

d) Memiliki **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf<sup>1</sup>** dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan loji berkaitan;

**atau**

Memiliki **diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf<sup>1</sup>** dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan loji berkaitan;

**atau**

Memiliki Sijil Kemahiran Malaysia tahap 3 (SKM 3) dalam bidang kejuruteraan/ setarafnya dan pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan loji berkaitan;

**atau**

Memiliki SPM/ setara dan pengalaman sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam kerja pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan loji berkaitan.

**atau**

Memiliki sijil kelayakan akademik kejuruteraan (Ijazah Sarjana Muda atau Diploma) daripada pusat pengajian tinggi, surat pengesahan kakitangan daripada pengilang asalan dan pengalaman bagi projek pemasangan loji sekurang-kurangnya 2 tahun (bagi pengilang asalan).

## **Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)**

Syarikat perlu melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety and Health Officer - SHO) jika tertakluk di bawah Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 1997\*\*;

**atau**

Bagi tempat kerja yang kurang daripada 100 orang pekerja, syarikat perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) yang berdaftar dengan JKPP;

**atau**

Melantik Penyelia KKP yang telah menghadiri kursus OSH Coordinator (OSH-C) oleh Pusat Pengajar yang telah diiktiraf JKPP.\*\*\*

Maklumat Nombor Pendaftaran SHO/ SSS/ OSH-C yang sah perlu dimasukkan bagi maklumat kakitangan teknikal Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

*\*\*Sila pastikan setiap kakitangan SHO/ SSS/ OSH-C telah berdaftar dengan majikan terkini semasa membuat permohonan. Semakan profil OYK ini boleh disemak melalui profil OYK pada laman web myKKP.*

*\*\*\*Sila rujuk Senarai Pusat Pengajar Bagi Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) di dalam laman web rasmi Jabatan.*

### **Jadual 3**

*(Nota<sup>1</sup> Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik, pengiraan matematik kejuruteraan, reka bentuk kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan).*

Pemohon hendaklah memuatnaik sijil kehadiran kursus berkaitan reka bentuk loji berkaitan, kawalan kualiti pemasangan dan pembukaan loji berkaitan, OSH-C dan sijil WQT pada Bahagian C – Maklumat Kakitangan Teknikal.

## 7.0 DOKUMEN

### 7.1 Dokumen Permohonan

Semua dokumen permohonan perlu dimuat naik dalam format PDF. Sila buat pecahan fail jika melebihi kuota yang dibenarkan.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
1) Ringkasan latar belakang syarikat (Company Profile) *	Template yang mengandungi maklumat latar belakang atau profil syarikat.
2) Carta organisasi syarikat * <ul style="list-style-type: none"> <li>• Carta organisasi tempat kerja utama yang terkini yang dilengkapi dengan nama, jawatan dan status (kontrak/tetap) termasuk ketua bahagian, kakitangan teknikal dan KKP</li> <li>• Carta organisasi kakitangan teknikal bagi kerja pemasangan di tapak pemasangan.</li> </ul>	Carta Organisasi yang terdiri daripada kakitangan bahagian projek kejuruteraan, kawalan kualiti, KKP dan pengimpal tetap bagi kerja pemasangan loji yang dipohon.
3) Senarai nama kakitangan teknikal, dan KKP bagi tempat kerja (utama dan tapak projek	Menyediakan senarai nama kakitangan terlibat yang terdiri daripada kakitangan bahagian projek kejuruteraan, kawalan

<p>pemasangan) bagi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bahagian Projek Kejuruteraan</li> <li>ii. Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)</li> <li>iii. Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)</li> <li>iv. Kakitangan Pengimpal Tetap</li> <li>v. Penyelia pemasangan (bagi skop Kren Kembara Atas dan Pengangkat Benda)</li> </ol>	<p>kualiti, KKP dan pengimpal tetap dalam bentuk jadual.</p> <p>Resume bagi setiap kakitangan tersebut perlu disertakan yang mengandungi maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama</li> <li>• Jawatan</li> <li>• Pengalaman kerja mengenai pemasangan loji berkaitan</li> <li>• Kelayakan akademik berkaitan yang tertinggi</li> <li>• Jenis latihan/ kursus teknikal dan KKP berkaitan yang telah dihadiri.</li> <li>• Surat lantikan kakitangan teknikal yang lengkap dengan maklumat berkaitan untuk kerja pemasangan loji.</li> </ul>
<p>4) Maklumat mengenai kerja pemasangan</p>	<p>Maklumat perlu mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Kelulusan Rekabentuk loji dari JKPP</li> <li>• Jumlah loji yang akan dipasang</li> <li>• Jenis dan kapasiti loji</li> <li>• Gantt Chart kerja pemasangan</li> <li>• Tempoh yang telah dijadualkan</li> <li>• Penjelasan terperinci tarikh kerja pemasangan akan berakhir mengikut kontrak dari klien.</li> </ul>

<p>5) Perjanjian/ kontrak/ MoU:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlantikan sebagai pemasang oleh Pemunya/ wakil Pemunya</li> <li>• Skop penglibatan dengan Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa khusus bagi projek pemasangan loji ini.</li> </ul>	<p>Mengemukakan perjanjian/ kontrak yang mengandungi maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Lantikan</li> <li>• Skop kerja yang dijalankan</li> <li>• Tanggungjawab sebagai kontraktor yang dilantik</li> </ul> <p>Mengemukakan Perjanjian 'MoU' antara Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa dengan pemohon yang mengandungi maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Skop kerjasama teknikal pemasangan loji berkaitan</li> </ul>
<p>6) Senarai pengalaman dan aktiviti kerja terdahulu</p>	<p>Senarai pengalaman kerja berkaitan pemasangan/ pembukaan/ pengilangan/ pembaikan/ pengubahan/ penyenggaraan loji</p>
<p>7) Senarai jentera dan peralatan yang dimiliki beserta spesifikasi (tidak terhad kepada senarai di bawah): *</p>	<p>Senarai tidak terhad kepada senarai di bawah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Welding Machine</li> <li>• Cutting Machine</li> <li>• Bending Machine</li> <li>• Forming Machine</li> <li>• Drilling Machine</li> <li>• Forklift</li> <li>• Overhead Travelling Crane</li> <li>• Grinder</li> </ul>

	<p>Pemeriksaan Kualiti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Welding Gauge</li> <li>• Torque Wrench</li> <li>• Vernier Caliper</li> <li>• Ultra Thickness Test Gauge</li> <li>• Non-Destructive Testing (NDT) Equipment</li> <li>• Hydrostatic Test Set</li> </ul>
8) Pelan/ peta lokasi:	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lokasi kedudukan loji yang akan dipasang.</li> <li>• Lokasi tapak projek pemasangan loji.</li> </ul>
9) Manual Kawalan Kualiti pemasangan loji termasuk prosedur kerja pemasangan dan carta alir kerja khusus untuk projek pemasangan loji yang ingin dipasang. Sertakan lukisan rekabentuk yang terlibat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Polisi Kualiti yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi</li> <li>• Pelan Ujian Pemeriksaan (Inspection Test Plan, ITP)</li> <li>• Carta Alir Proses / Gantt Chart</li> <li>• Prosedur Kerja Pemasangan</li> <li>• Kawalan Bahan (Material Control)</li> <li>• Kawalan Kimpalan (Welding Control)</li> <li>• Kawalan Reka Bentuk (Design Control)</li> <li>• Senarai Semak Pemeriksaan Kualiti</li> </ul>
10) Senarai rekod kimpalan yang akan digunakan dalam khusus untuk kerja pemasangan one-off ini (WPS, WQT, pengimpal terlibat, welder's continuity	Menyediakan senarai rekod kimpalan yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut:

<p>record).</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Senarai WQT (untuk pengimpal aktif) yang disahkan Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa</li> <li>• Senarai Welding Procedure Specification (WPS) serta Satu Set WPS dan Procedure Qualification Record (PQR) dan Mechanical Test yang disahkan Badan Berkuasa Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa</li> <li>• Rekod kimpalan berterusan bagi pengimpal (Welding Continuity Record)</li> </ul>
<p>11) Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja pemasangan</p>	<p>Tidak terhad kepada senarai di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Polisi Keselamatan dan Kesihatan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi.</li> <li>• Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) di tapak projek pemasangan</li> <li>• Prosedur Kerja Selamat (SOP) bagi kerja-kerja pemasangan loji.</li> <li>• Senarai HIRARC/JHA/JSA bagi kerja-kerja pemasangan loji.</li> </ul>
<p>12) Senarai kod reka bentuk yang akan digunakan dalam kerja pemasangan</p>	<p>Mengemukakan senarai dan nama kod rekabentuk yang digunakan untuk kerja pemasangan loji berkaitan dalam bentuk jadual tidak terhad kepada ASME I / TRD /</p>

	<p>NBIC23 / ASME PCC2 / AD MERKBLATT / dan lain-lain.</p> <p>Setiap kod rekabentuk yang digunakan hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>
<p>13) Program kursus teknikal dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) kakitangan teknikal.</p>	<p>Menyediakan senarai latihan (yang telah dihadiri oleh semua kakitangan teknikal) yang diperlukan dalam proses pemasangan loji berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salinan rekod program latihan/ kursus teknikal dan KKP dalaman dan luaran yang dijalankan secara dalaman atau luaran bagi syarikat</li> </ul>

**Jadual 4**

## **8.0 PEMAKLUMAN**

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pendaftaran jika didapati:

- a) Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat); atau
- b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c) Telah melanggar mana-mana syarat yang dinyatakan di dalam surat kelulusan; atau
- d) Telah melanggar mana-mana syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa; atau

e) Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

## 9.0 FI

9.1 Pembayaran fi pemprosesan dan fi pendaftaran bagi permohonan pendaftaran, Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang Dandang Stim (One-Off) adalah mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran dan Pembaharuan Orang Kompeten dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

## 10.0 PIAGAM PELANGGAN

- 10.1. Permohonan yang lengkap akan diproses (melibatkan semakan dokumen, sesi pembentangan teknikal dan audit) dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja**. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh pegawai. Keputusan kelulusan permohonan **akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem mySKUD**.
- 10.2. Permohonan yang tidak lengkap akan **dibatalkan/ tidak diluluskan**. Pemohon perlu mengemukakan permohonan semula selepas menjalankan penambahbaikan dan mematuhi panduan permohonan yang ditetapkan.
- 10.3. Bagi pemohon yang telah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan, kelulusan pendaftaran baru Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang Dandang Stim (One-Off) akan diberikan untuk tempoh maksimum satu (1) tahun.

**Disediakan oleh:**

**UNIT PENGIKTIRAFAN,**

**SEKSYEN PENGIKTIRAFAN, PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN**

**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI**

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**16 APRIL 2026**